



KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

## SIARAN MEDIA

### PENGEMBALIAN OPERASI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH, MENENGAH DAN PUSAT-PUSAT TINGKATAN ENAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Khamis, 12 Syawal 1441H / 4 Jun 2020M – Dengan pengembalian operasi pengajaran dan pembelajaran secara berperingkat bagi bahagian kedua Sesi Persekolahan Penggal Ke-2 di semua sekolah-sekolah rendah, menengah, maktab-maktab, pusat-pusat tingkatan enam, sekolah-sekolah vokasional dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dan juga termasuk semua sekolah-sekolah di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama serta sekolah-sekolah swasta pada 10 Syawal 1441 bersamaan dengan 2 Jun 2020 yang lepas, dengan ini sesi persekolahan, pembelajaran dan pengajaran secara fizikal atau ‘face to face’ telah dimulakan secara berperingkat.

Peringkat pertama ini telah melibatkan pelajar-pelajar yang akan menduduki peperiksaan awam iaitu seramai 23,103 orang pelajar iaitu 25.5% daripada jumlah keseluruhan pelajar di Negara Brunei Darussalam bagi sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang telah dijangkakan memulakan sesi persekolahan mereka.

Pada minggu pertama sekolah dibuka, seramai 91.5% pelajar telahpun hadir secara *face-to-face* di sekolah masing-masing. Jumlah tersebut telah memperlihatkan komitmen dan kepercayaan para ibu bapa dan penjaga kepada pihak sekolah dengan menghantar anak-anak mereka ke sekolah walaupun negara masih lagi dalam situasi menangani pandemik COVID-19.

Dalam memastikan kesejahteraan pelajar-pelajar dan warga sekolah, pihak sekolah sentiasa menekankan dua aspek penting iaitu mengamalkan penjarakan sosial dan kebersihan diri serta premis sekolah. Selain itu, pihak Kementerian juga melaksanakan pemantauan secara berterusan menggunakan *on-line reporting*. Hasil daripada pemantauan awal, telah mendapati kesungguhan warga sekolah (tenaga pengajar dan pelajar) mematuhi garis

panduan yang telah disediakan oleh pihak sekolah dalam memastikan kesejahteraan, keselamatan dan kesihatan dalam menghindari penularan wabak COVID-19.

Setakat ini, semua sekolah di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama telahpun mengaktifkan kod imbasan QR sepetimana yang telah disarankan oleh Kementerian Kesihatan. Penggunaan kod imbasan QR dapat membantu pihak sekolah memantau tahap kesihatan guru dan kakitangan sekolah dan membahagikan mereka kepada kumpulan *Vulnerable* dan *Non-Vulnerable*. Bagi mereka yang dalam kategori *Vulnerable*, tertakluk kepada budi bicara pemimpin sekolah masing-masing dalam mencatur jadual pengajaran guru-guru dalam memastikan kesejahteraan guru-guru dan warga sekolah adalah terjamin.

Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama akan sentiasa memantau perlaksanaan secara berterusan dalam memastikan perlaksanaan sesi pembelajaran dan pengajaran berjalan dengan teratur. COVID-19 telah banyak mengubah corak tatakerja sehari-hari dan tidak terkecuali juga bidang Pendidikan. Dari yang demikian, pihak Kementerian Pendidikan yakin bahawa pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran secara dalam talian adalah seajar dengan pendekatan era Revolusi Industri 4.0 dan merupakan hala tuju kehadapan bagi bidang pendidikan. Oleh itu, pemberian serta pengukuhan dalam menguasai kaedah pengajaran dan pembelajaran berlandaskan teknologi akan terus dilaksanakan pada waktu pasca COVID-19 nanti.

Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama akan terus bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan bagi mendapatkan perkembangan terkini dan nasihat yang bersesuaian dengan keadaan semasa. Di samping itu, kerjasama daripada semua pihak yang terlibat adalah diperlukan bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan komuniti sekolah adalah terjamin.

- TAMAT -

**Dikeluarkan  
oleh**

Unit Perhubungan Awam, Kementerian Pendidikan Berakas  Negara Brunei Darussalam BB3510 Tel.: 238 1301 Faks : 238 0703 Emel : <a href="mailto:feedback@moe.gov.bn">feedback@moe.gov.bn</a> Laman Sesawang : <a href="http://www.moe.gov.bn">www.moe.gov.bn</a> Twitter: MoEducation Brunei Instagram: moe_brunei  Facebook: Ministry of Education Brunei Darussalam	Unit Perhubungan Awam, Kementerian Hal Ehwal Ugama Jalan Dewan Majlis, Berakas  Negara Brunei Darussalam BB3910 Tel.: 238 2525 / 6 / 311 Emel : <a href="mailto:info.kheu@mora.gov.bn">info.kheu@mora.gov.bn</a> Laman Sesawang : <a href="http://www.kheu.gov.bn">www.kheu.gov.bn</a>
---	---

